

Rumput Cow Grass untuk sukan lasak



AZMAN FAHMI OSMAN (kanan) melihat rumput padang Stadium Nasional bersama **Dr. Aini Ideris** (tengah) **Dr Abdul Shukor Juraimi** selepas majlis menandatangani MoU di ibu negara baru-baru ini.

TENDANGAN tajam pemain bola ke gawang gol merupakan perkara utama dalam permainan bola sepak

bagi memastikan kemenangan berpihak kepada pasukan.

Seperti sedia maklum, sukan bola sepak merupakan antara sukan pilihan ramai di Malaysia mahupun serata dunia. Lihat sahaja bagaimana penyokong berpusu-pusu ke stadium atau sekadar menonton di kedai mamak.

Tidak hanya berbicara mengenai teknik tendangan, cara penangkapan bola oleh penjaga gol atau kelalaian menghantar bola, malah pada masa sama isu padang bola juga sering diperkatakan sama ada baik untuk sukan tersebut atau sebaliknya.

Apabila berbual mengenai stadium, tentunya antara topik utama adalah berkaitan penyelenggaraan padang.

Menyedari kepentingan tersebut, Perbadanan Stadium Malaysia (PSM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM) baru-baru ini memeterai memorandum persefahaman (MoU) bertujuan memajukan bidang pengurusan

Oleh **AQILAH MIOR KAMARULBAID**
aqilah.mks@gmail.com



dan penganjuran sukan di Stadium Nasional Bukit Jalil, Kuala Lumpur melalui pertukaran idea dan program.

Dekan Fakulti Pertanian UPM, **Prof. Dr. Abdul Shukor Juraimi** memberitahu, beliau terlibat dalam penyelenggaraan stadium tersebut sejak 10 tahun lalu dan pada ketika itu, padang di Stadium Nasional Bukit Jalil menggunakan rumput jenis *Bermuda* dan *Paspalum*.

Katanya yang juga merupakan penyelidik yang terlibat dalam pengurusan padang di Stadium Nasional itu, kedua-dua jenis rumput tersebut tidak sesuai bagi pertandingan atau latihan sukan seperti bola sepak atau ragbi ekoran tidak tahan lasak.

Malah jelasnya, rumput jenis *Bermuda* dan *Paspalum* yang

digunakan sebelum ini tidak sesuai dari segi pencahayaan dalam stadium yang menyebabkan pertumbuhan rumput menjadi terbantut, rumput menjadi panjang tetapi kecil, batang kecil serta rapuh apabila dipijak.

“Stadium ini agak unik kerana

pencahayaannya kurang disebabkan bahagian atas yang tertutup bagi menghalang penonotan daripada terkena hujan. Rumput memerlukan pencahayaan antara 11 hingga 12 jam sehari bagi proses fotosintesis untuk membuat makanan dan sebagainya,” katanya ketika ditemui selepas majlis menandatangani MoU

antara PSM dan UPM di Stadium Nasional Bukit Jalil, baru-baru ini. Pada majlis itu, PSM diwakili Pegawai Eksekutifnya, Azman Fahmi Osman, manakala UPM diwakili Naib Canselornya, Prof Datin Paduka Dr. Aini Ideris.

Abdul Shukor yang juga

merupakan profesor Sains Rumpai dan Pengurusan Turf UPM memberitahu, beliau telah membuat kajian mengenai pemilihan rumput yang sesuai ditanam di stadium itu bagi sukan-sukan lasak sejak 2012 dan selepas beberapa kajian dilakukan, nyata rumput jenis *Cow Grass* merupakan pilihan yang tepat.

MUDAH DIJUMPAI

Tambahnya, banyak perbincangan juga dibuat selain mendapat kebenaran bagi menanam rumput *Cow Grass* itu.

“Rumput *Cow Grass* ini mudah dijumpai di negara ini kerana amat sesuai dengan cuaca di Malaysia selain tahan lasak,” jelasnya.

Cow grass ialah sejenis rumput tempatan yang kurang memerlukan baja dan air.

Namun, amat penting bagi rumput tersebut untuk mendapatkan makanan, cahaya, baja dan air bagi proses pertumbuhan dan memastikan ia dapat digunakan dalam tempoh yang panjang.

“Pemantauan dan penyelenggaraan dengan baik termasuk memastikan rumput menerima makanan yang cukup menerusi baja seperti baja nitrogen untuk pertumbuhan dan baja fosforus serta baja kalium untuk menguatkan rumput.

“Penggunaan baja yang betul dan dalam sukatan yang tepat membantu rumput membesar sihat dan tahan lasak.

“Sekiranya penggunaan baja nitrogen terlebih boleh menyebabkan rumput tumbuh secara gemuk (sihat) tetapi lemah. Rumput akan mudah pecah jika dipijak,” katanya lagi.

Beliau menambah, penjagaan rumput di stadium berkenaan akan dilaksanakan oleh



ABDUL SHUKOR JURAIMI








AZMAN FAHMI OSMAN (kanan) bertukar-tukar dokumen dengan **Dr. Aini Ideris** dalam majlis menandatangani MoU antara Perbadanan Stadium Malaysia dan UPM baru-baru ini.

PLOT-PLOT penyelidikan mengenai rumput di UPM.



CIRI-CIRI RUMPUT COW GRASS

-  Daun lebih lebar
-  Daun berwarna hijau muda
-  Pertumbuhan rumput akan menegak sekiranya menerima pencahayaan yang cukup, jika sebaliknya, rumput akan menjalar
-  Perlu teknik yang betul dalam penyelenggaraan
-  Tahan lasak dan kasar